

DAP paksa rakyat buat pilihan, kata PM

KUALA LUMPUR, Jumaat — DAP memaksa rakyat Pulau Pinang membuat pilihan yang mereka tidak suka apabila meletakkan Setiausaha Agungnya, Encik Lim Kit Siang menentang Ketua Menteri, Dr Lim Chong Eu di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Padang Kota.

Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyifatkan tindakan DAP itu sebagai usaha parti itu memaksa rakyat supaya memilih Encik Lim dan bukan Dr Lim.

"Jika dia tidak lawan Dr Lim, ada rakyat Pulau Pinang yang suka kepada Dr Lim, tetapi dalam masa yang sama mahu memberi tempat kepada pembangkang, boleh memiliki kedua-duanya.

"Tetapi Kit Siang tidak puas hati dan mahu paksa orang Pulau Pinang memilih di antara dia sendiri atau Dr Lim. Inilah cara Kit Siang. Dia tidak langsung mengambil kira pandangan dan pendirian rakyat. Dia nak cara dia saja," kata Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian sewaktu diminta mengulas pertandingan di antara kedua-dua tokoh politik itu, selepas melancarkan manifesto BN bertemakan Ke Arah Keamanan, Kestabilan dan Kemakmuran, di sini hari ini.

Menjawab satu soalan, beliau berkata, hanya mereka yang tidak mengenali Dr Lim menganggap Ketua Menteri itu kurang berminat untuk bertanding dalam pilihanraya ini, tetapi berbuat demikian kerana dipaksa.

"Barangkali dia tidak kenal Dr Lim. Tiada sesiapa yang boleh memaksa Dr Lim. Kalau dia nak buat dia buatlah, kalau dia tak nak, dia tidak buat. Dr Lim bukannya calon yang enggan bertanding," kata beliau.

Sementara itu, Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata tindakan Encik Lim memangs membuktikan bahawa dia mahukan sesuatu mengikut cara sendiri tanpa mengambil kira hasrat rakyat.

"Tetapi, saya yakin rakyat Pulau Pinang mampu membuat pilihan untuk menentukan masa depan mereka itu," katanya kepada pemberita selepas majlis yang sama.